

13 JUN 2004

Lim-Debat

KIT SIANG MAHU DEBAT DENGAN DR M MENGENAI NEGARA ISLAM

IPOH, 13 Jun (Bernama) -- Pemimpin pembangkang Lim Kit Siang hari ini mempelawa bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad untuk mengambil bahagian dalam debat awam mengenai isu negara Islam.

Lim yang juga anggota Parlimen Ipoh Timur berkata beliau akan menghantar jemputan rasmi kepada Dr Mahathir dalam beberapa hari lagi mengenai debat itu yang menurutnya untuk membuktikan bahawa Malaysia bukan dan tidak harus diisytiharkan sebagai sebuah negara Islam.

Lim juga mempertahankan kenyataan awalnya bahawa langkah mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam adalah tidak tepat dan tidak bertanggungjawab dan Dr Mahathir perlu menjelaskan bagaimana perisytiharan itu tidak bercanggah dengan perlembagaan dan kontrak sosial.

"Berdasarkan kepada perlembagaan dan kontrak sosial, Malaysia ialah sebuah negara demokratik sekular dengan Islam agama rasminya dan oleh sebab itu tidak boleh dianggap sebagai sebuah negara Islam mengikut mana-mana definasi atau mengikut mana-mana deklarasasi," kata beliau kepada pemberita selepas bertemu dengan pemimpin-pemimpin DAP peringkat persekutuan dan negeri.

Semasa sidang Dewan Rakyat pada 8 Jun lepas, Lim mempersoalkan perisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh Dr Mahathir pada 2001, dan ini mencetuskan pertikaman lidah antara beliau dan penyokong-penyokong kerajaan dalam dewan.

Lim berkata beliau juga akan membentangkan satu usul untuk merujuk akhbar Utusan Malaysia dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Rakyat esok berhubung apa dianggapnya sebagai laporan kurang tepat mengenai kenyataan beliau semasa perbahasan pada 8 Jun lepas.

Mengenai hal lain, Lim berkata beliau akan mencadangkan kepada Kerajaan supaya menubuhkan Suruhanjaya Diraja mengenai Kebebasan Badan Kehakiman yang perlu diketuai oleh Sultan Perak Sultan Azlan Shah.

Beliau berkata Sultan Azlan adalah orang yang paling sesuai untuk mengetuai suruhanjaya itu memandangkan latarbelakangnya dalam bidang itu.

-- BERNAMA

KAY PR